

**ULASAN KEPADA LAPORAN DALAM KENYATAAN AKHBAR BERIKUT:**

**1) SIN CHEW DAILY BERTARIKH 1 NOVEMBER 2011 BERTAJUK:**

***CONSUMERS OF THE UNITED STATES BOYCOTT JOHNSONS & JOHNSONS BABY SHAMPOO BECAUSE IT CONTAINS CANCER CAUSING INGREDIENT***

**2) GUANG MING DAILY BERTARIKH 2 NOVEMBER 2011 BERTAJUK:**

***US JOHNSON'S BABY SHAMPOO ACCUSED TO BE CANCER-CAUSING RETAILERS HAVE NOT RECEIVED NOTIFICATION TO REMOVE PRODUCTS FROM SHELF***

**3) CHINA PRESS, BERTARIKH 2 NOVEMBER 2011 BERTAJUK:**

***JOHNSON'S BABY SHAMPOO FOUND TO CONTAIN CARCINOGENIC SUBSTANCE IN HONG KONG***

---

1. Laporan akhbar yang dinyatakan di dalam akhbar tempatan seperti di atas adalah rentetan daripada kenyataaan yang dikeluarkan oleh badan *Campaign for Safe Cosmetics* yang berpangkalan di Amerika Syarikat pada 1 November 2011 berkenaan produk *Johnson's Baby Shampoo* yang dipasarkan di beberapa buah Negara didapati masih mengandungi bahan Quaternium-15. Sejak tahun 2009 lagi, badan tersebut telah menggesa syarikat bertanggungjawab agar Quaternium-15 tidak lagi digunakan dalam produk yang terlibat. Badan tersebut mendakwa bahawa amaun formaldehyde yang dihasilkan oleh Quaternium-15 yang digunakan sebagai bahan pengawet dalam produk tersebut boleh menyebabkan kanser kepada pengguna.
  
2. Semakan oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bahawa produk *Johnson's Baby Shampoo* seperti yang dinyatakan di dalam artikel-artikel tersebut adalah bernotifikasi dengan BPK dan ianya didapati mengandungi Quaternium-15 pada kepekatan 0.05% iaitu dalam had yang dibenarkan di dalam sediaan produk kosmetik dan mematuhi *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia* dan *ASEAN Cosmetic Directive*.

3. Quarternium-15 adalah dibenarkan di dalam formulasi produk kosmetik dengan kepekatan sehingga 0.2% sebagai bahan pengawet. Formaldehyd juga turut dibenarkan dalam formulasi kosmetik sebagai bahan pengawet dengan kepekatan sehingga 0.1% bagi sediaan untuk penjagaan mulut manakala sehingga 0.2% untuk produk kosmetik yang lain.
4. Bahan-bahan ini tidak tersenarai sebagai bahan larangan di dalam sediaan kosmetik. Berdasarkan data saintifik yang ada, had tersebut telah dipersetujui oleh pelbagai panel penilai keselamatan kosmetik antarabangsa termasuk daripada kesatuan Eropah, Amerika Syarikat serta Badan Saintifik Kosmetik ASEAN sebagai selamat untuk digunakan dalam sediaan kosmetik. Oleh itu, penggunaan bahan-bahan tersebut jika mengikut had dan syarat yang ditetapkan adalah dibenarkan oleh kebanyakan negara termasuk di negara-negara Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, China dan negara ASEAN.
5. Isu yang sama berkenaan keselamatan produk *Johnson's Baby Shampoo* pernah dilaporkan dalam akhbar tempatan sekitar tahun 2009 dan pihak KKM turut memberi ulasan bahawa produk tersebut selamat digunakan dan mematuhi garispanduan yang ditetapkan. Sehingga kini, tiada sebarang laporan diterima yang melibatkan isu keselamatan penggunaan bahan tersebut di dalam produk kosmetik.
6. Pihak BPFK membuat pemantauan secara berterusan ke atas produk kosmetik melalui Program Pengawasan Mutu Produk Kosmetik Bernotifikasi di pasaran bagi memastikan keselamatan dan kualiti produk-produk tersebut. Pengguna adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak BPFK di talian 03-78835532/5534/8495 atau emailkan kepada [kosmetik@bpfk.gov.my](mailto:kosmetik@bpfk.gov.my) sekiranya terdapat sebarang keraguan berhubung keselamatan dan kualiti produk, mengalami kesan sampingan atau kesan alergi akibat penggunaan produk kosmetik yang mengandungi bahan tersebut.